




PANDUAN KEPADA "PENGAMAL
PERUBATAN BERDAFTAR YANG
DILULUSKAN (ARMP)" BAGI
MELAKUKAN PEMERIKSAAN
PERUBATAN KE ATAS PEKERJA
(SINARAN)



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-89284100/89267699
Faks : 03-89223685

Homepage: <http://www.aelb.gov.my>

PANDUAN KEPADA "PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR YANG DILULUSKAN (ARMP)" BAGI MELAKUKAN PEMERIKSAAN PERUBATAN KE ATAS PEKERJA (SINARAN)

A. PENGENALAN

1. Di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, setiap pekerja (sinaran) diperlukan untuk menjalani pemeriksaan perubatan, supaya kesihatan pekerja sentiasa dapat diawasi dan kesan-kesan negatif sinaran dapat dikesan, dicegah, didiagnosis dan kalau perlu dirawat dengan seberapa segera.
2. Hanya pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan (ARMP) di bawah Akta 304 sahaja yang diberi peruntukan untuk menjalankan pemeriksaan perubatan terhadap pekerja-pekerja (sinaran).

B. PENGGUNAAN BORANG PEMERIKSAAN PERUBATAN LPTA/BM/5 (SEKSYEN A)

1. Untuk menjalankan pemeriksaan perubatan terhadap pekerja (sinaran), borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) iaitu "Borang-Borang Pemeriksaan Perubatan Ke atas Pekerja (Sinaran)" hendaklah digunakan oleh ARMP.
2. Borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) ini merangkumi kesemua 4 jenis pemeriksaan perubatan iaitu:
 - (i) pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan;
 - (ii) kajian semula kesihatan secara berkala;
 - (iii) pemeriksaan perubatan apabila berhenti kerja atau bersara; dan
 - (iv) pemeriksaan perubatan khas.
3. Penggunaan borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) ini akan memudahkan ARMP untuk mengetahui sejarah atau perkembangan kesihatan seorang pekerja (sinaran) daripada mula dia bekerja sehinggalah dia berhenti kerja atau bersara kerana semua maklumat yang berkenaan terdapat di dalam borang yang sama (LPTA/BM/5 (SEKSYEN A)).
4. Borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) ini mengandungi 3 bahagian utama:
 - (i) Bahagian I diisi oleh calon pekerja;
 - (ii) Bahagian II diisi oleh ARMP dan disimpan olehnya; dan
 - (iii) Bahagian III - diisi oleh ARMP dan dihantar kepada majikan (pemegang lesen).

NEXT >>

5. Bagi setiap pekerja (sinaran), ARMP dinasihatkan supaya menggunakan borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) yang sama setiap kali pemeriksaan perubatan dijalankan ke atas pekerja berkenaan sehinggalah semua ruangan yang terdapat pada Bahagian II dan III penuh digunakan.
6. Apabila semua ruangan pada Bahagian II dan III telah penuh diisi, Pengamal Perubatan Berdaftar bolehlah menggunakan borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) yang baru bagi pekerja berkenaan.

C. PENYIMPANAN BORANG LPTA/BM/5 (SEKSYEN A)

1. Setelah pemeriksaan perubatan dijalankan oleh ARMP ke atas pekerja (sinaran), borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) pekerja berkenaan akan disimpan oleh ARMP tersebut dan Bahagian III borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) ini akan dihantar kepada majikan (pemegang lesen) pekerja berkenaan untuk melaporkan keadaan kesihatannya.
2. Sekiranya A.RMP yang biasa melakukan pemeriksaan ke atas pekerja itu berhenti atau tidak dapat menjalankan pemeriksaan perubatan ke atas pekerja berkenaan, maka borang LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) pekerja berkenaan hendaklah diserahkan kepada ARMP yang lain untuk digunakan sekiranya pekerja tersebut perlu menjalani pemeriksaan perubatan pada masa yang akan datang. Dengan cara begini sejarah kesihatan pekerja berkenaan akan dapat direkodkan tanpa kehilangan sedikitpun butir-butir maklumat yang boleh dianggap penting pada masa-masa akan datang.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi..

**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM,
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI,
BATU 24, JALAN DENGKIL
43800 DENGKIL
SELANGOR DARUL EHSAN**

TEL. NO: 03-89284100/89267699

**ATAU
KETUA PENGARAH KESIHATAN
(BAHAGIAN KEJURUTERAAN),
KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN CENDERASARI,
50480, KUALA LUMPUR.,
TEL NO: 2540088/2540540**

BACK >>